

PM ARAH SIASAT

UM - 6 NOV 1990
buka oleh ketua bahagian masing-masing dan jika mereka hendak mencalonkan nama pemimpin tertentu, itu adalah hak mereka," tambahnya.

Mengenai soalan sama ada Dato' Sri Najib Tun Razak akan terus dikekalkan sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, beliau menjelaskan, jawatan itu akan diputuskan kemudian.

Katanya, beliau belum memikirkan kedudukan Dato' Sri Najib sebagai Ketua Pemuda parti kerana perkara itu akan diputuskan

apabila "semuanya selesai kelak."

Beliau yang enggan mengulas lebih lanjut mengenai kedudukan itu berkata: "Kemudianlah, waktu ini kita tidak ada buat apa-apa keputusan."

Laporan akhbar hari ini menyebut Dato' Sri Najib yang juga Menteri Pertahanan mungkin bertanding untuk jawatan naib presiden parti pada perhimpunan agung UMNO akan datang sekiranya beliau tidak dilantik menjadi Ketua Pemuda.

PM arah siasat badan2 perhubungan senarai nama pemimpin yang patut disokong

UM - 6 NOV 1990

KUALA LUMPUR 5 Nov. — Presiden, UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa beliau akan mengarahkan ibu pejabat parti menyiasat tentang badan-badan perhubungan negeri yang menyenaraikan nama-nama pemimpin yang patut disokong dalam pemilihan pada hujung bulan ini.

Menurutnya, perkara itu perlu disiasat terlebih dulu untuk memastikan sama ada ia benar-benar berlaku.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, demikian apabila diminta mengulas kononnya ada badan-badan perhubungan UMNO negeri yang sudah menyenaraikan nama-nama pemimpin yang patut disokong dalam pemilihan ahli-ahli Majlis Tertinggi dan Naib Presiden UMNO tidak lama lagi.

Bercakap kepada para pemberita selepas menghadiri majlis perasmian Kongres Pengiklanan Asia ke-17 di sini hari ini, Perdana Menteri menegaskan, sokongan yang didapati daripada sese-

buah negeri saja tidak akan membantu seseorang itu memenangi jawatan Naib Presiden atau ahli Majlis Tertinggi UMNO dalam pemilihan akan datang.

Kata beliau, pemimpin yang mahu memenangi sebarang jawatan dalam Majlis Tertinggi perlulah mendapat sokongan daripada negeri-negeri lain juga selain daripada negeri yang menyokongnya.

"Kalau seseorang itu cuma disokong oleh satu negeri saja, dia tidak akan menang," tegas beliau mengulas tindakan beberapa negeri mencalonkan pemimpin-pemimpin tertentu bertanding dalam pemilihan kali ini.

Menurut Perdana Menteri, setiap bahagian di negeri-negeri bebas mencalonkan nama pemimpin-pemimpin yang patut bertanding dan perkembangan ini tidaklah menjadi halangan kepada proses pemilihan.

"Kita meminta setiap bahagian di-

LIHAT MUKA 2